

# Jana wakaf pendidikan

**K**EMENTERIAN Pengajian Tinggi melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menyasarkan Universiti Awam (UA) untuk mempelbagaikan sumber penjanaan bagi menampung sebahagian keperluan universiti.

Lantaran itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memperkenal satu lagi kaedah penjanaan pendapatan selain endowmen, iaitu Dana Wakaf Pendidikan UTHM.

Sebagai langkah permulaan, majlis prapelancaran dana ini telah diadakan pada 7 Mei baru-baru ini bertempat di Pekarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah universiti tersebut.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memperkenal kepada warga universiti tentang konsep Wakaf Tunai Pendidikan yang akan dilaksanakan di UTHM.

Wakaf ini merupakan program penjanaan dana berlandaskan konsep Wakaf Am melalui sumbangan dana berbentuk tunai dan harta, yang mana pewakaf mewakifikannya dengan niat kerana Allah SWT bagi tujuan kemajuan dan kepentingan ilmu sejagat.

Dalam majlis ringkas itu, Naib Canselor UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly telah menerima sumbangan wakaf bernilai RM50,000 daripada Azemi



Mahat Group Bhd. yang diwakili Pengarah Urusan, Datuk Md Azemi Mahat.

Sementara itu, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) pada 26 Januari lalu telah memberi status Nazir Khas kepada UTHM bagi melaksanakan inisiatif wakaf ini.

UTHM menggalas tanggungjawab tersebut dengan menyediakan alternatif kepada kakitangannya untuk melakukan ibadah wakaf ini.

Dana wakaf yang dikumpul ini akan dilaburkan dalam instrumen yang patuh syariah, manakala faedah dan keuntungan hasil daripada pelaburan ini diagihkan kepada penerima yang layak dalam bentuk biasiswa, bantuan kewangan serta kemudahan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Selain sumbangan terus ke tabung-tabung yang disediakan, UTHM juga memperkenal skim potongan gaji bulanan kakitangan, pembayaran di kaunter Pejabat Bendahari UTHM serta sumbangan secara dalam talian.



**DR. WAHID RAZZALY** melancarkan Tabung Dana Wakaf Pendidikan UTHM di Pekarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM, Batu Pahat, Johor baru-baru ini.